

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

Dana bantu rakyat, penjawat awam

Dana bantu rakyat, penjawat awam

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR dan NUR SABRINA MOHD. ROZI
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Lebih 10 juta rakyat Malaysia dewasa yang berpendapatan kurang RM100,000 setahun bakal menikmati kredit e-tunai sebanyak RM100.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kira-kira RM1 bilion disediakan untuk tujuan itu yang merangkumi golongan B40 dan M40.

Beliau juga mengumumkan bantuan khas penghargaan sebanyak RM300 kepada penjawat awam gred 56 dan ke bawah serta RM200 kepada pesara kerajaan termasuk veteran tidak berpengen.

Bantuan itu memanfaatkan 1.3 juta kakitangan kerajaan termasuk lantikan kontrak serta lebih sejuta pesara.

“Saya arahkan Kementerian Kewangan agar dapat meluluskan dan menyalurkan bantuan khas ini dalam tempoh dua minggu dari sekarang,” katanya pada Majlis Peluncuran Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar memaklumkan, kerajaan mencadangkan memperluaskan liputan perlindungan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) ke atas populasi umur bekerja secara berperingkat mengikut fasa bertujuan melindungi rakyat sekiranya hal-hal tidak diingini berlaku.

Beliau kemudian memberi jaminan pelbagai program bantuan tunai dan program Rahmah akan diteruskan dan ditambah baik untuk memastikan jaringan keselamatan sosial terus



ANWAR Ibrahim (tengah) sambil disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan beberapa menteri Kabinet melakukan gimik perasmian Majlis Peluncuran Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIN

ditingkatkan.

Katanya, pelaksanaan transit aliran massa fasa 3 (MRT3) di Lembah Klang akan diteruskan dengan memastikan kos projek munasabah.

Katanya, kerajaan juga komited menambah baik prasarana pengangkutan bagi bandar utama termasuk pelaksanaan Bas Rapid Transport di Johor Bharu dan transit aliran ringan (LRT) Pulau Pinang.

Kerajaan juga, kata Perdana Menteri, menambah baik skim

pinjaman di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dengan menyediakan jaminan pembelian sehingga 120 peratus dari harga rumah bernilai sehingga RM300,000.

Katanya, jaminan kerajaan sehingga RM5 bilion akan disediakan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan komited ke arah sasaran lima peratus KDNK untuk perlbelanjaan perkhidmatan kesihatan dengan mengoptimalkan sistem

kesihatan awam dan swasta seperti disarankan dalam Kertas Putih Kesihatan.

“Selain itu, anjakan paradigma baharu termasuklah peralihan pendekatan kesihatan awam daripada merawat pesakit kepada pencegahan penyakit iaitu sifat kendiri rakyat akan diperkaskan bagi mengekalkan, melindungi dan menambah baik kesihatan kendiri,” katanya.

Pada masa sama, Anwar memaklumkan bahawa kerajaan juga akan memudah cara proses

pendaftaran dan memperluas program pemutihan taksu dan pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di seluruh negara dengan peruntukan RM10 juta.

Jelasnya, perkara itu sebagai salah satu inisiatif Ekonomi Penjagaan (Care-Economy) dengan usaha segera termasuk menyediakan pusat jagaan kanak-kanak mampu milik yang dilihat berupaya meningkatkan kadar penyerangan wanita di dalam pekerjaan.